

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ST. GABRIEL

PENTAKSIRAN PBD 1 TAHUN 2021

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 1 (1 JAM)

NAMA:

KELAS:

Arahan: Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, dan **satu** soalan Bahagian D.

BAHAGIAN A

1 Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. **Gariskan** kesalahan tersebut dan **tulis** jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Sukan tahunan sekolah Arshad diadakan di mini stadium itu.

(ii) Gunaseran menjerit meminta tolong bila melihat bengkel keretanya terbakar.

(iii) Stesen minyak-stesen minyak telah mengalami kehabisan bekalan minyak RON95.

(iv) Masalah jerebu yang paling kritikal sekali berlaku pada bulan Jun tahun lepas.

[8 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Kamal menggunakan silinder penyukat untuk menyukat isi padu cecair itu.

(ii) Adik sangat gembira apabila ibu membelikan bag sekolah baharu untuknya.

(iii) Pengambilan kolestrol yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit lemah jantung.

[3 markah]

3 Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti. Kenal pasti **subjek** dan **predikat** dalam ayat-ayat tersebut. Kemudian, tulis **subjek** dan **predikat** pada ruang yang disediakan.

(i) Kampung mereka terletak di Johor.

Subjek : _____

Predikat : _____

(ii) Anak bongsu Encik Ahmad berjaya menjadi seorang doktor.

Subjek : _____

Predikat : _____

(iii) Faris membeli beberapa bentuk mata kail sebelum pergi memancing.

Subjek : _____

Predikat : _____

(iv) Pokok mangga itu berputik setelah ditanam selama lima tahun.

Subjek : _____

Predikat : _____


(v) Beberapa ekor rama-rama berterbangan dan hinggap pada sekuntum bunga.

Subjek : _____

Predikat : _____

(10 markah)

- 4 Lihat gambar bersiri di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan gambar bersiri tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



- (i) _____
- (ii) _____

[4 markah]